

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Auto-i. Pastikan anda membaca terma dalam surat tawaran. Sila rujuk kepada pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma umum yang dinyatakan di sini)	Hong Leong Islamic Bank Berhad Pembiayaan Auto-i Tarikh :																
1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?																	
<p>Ini adalah kemudahan sewa beli Islamik, yang ditawarkan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan. Apabila anda menerima kemudahan ini, anda akan memasuki satu perjanjian Sewa Beli-i Islamik dengan pihak Bank. Pihak Bank akan menyewakan kenderaan berkenaan kepada anda untuk suatu tempoh dan kadar sewa yang dipersetujui dan anda berjanji untuk membeli dan mengambil pemilikan kenderaan berkenaan sebaik sahaja ansuran terakhir dijelaskan. Kadar keuntungan untuk kemudahan ini akan dikenakan pada kadar tetap. Pemilikan kenderaan berkenaan hanya akan dipindahkan kepada anda setelah menerima bayaran ansuran terakhir yang termasuk harga jualan sebanyak RM1.00.</p>																	
2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?																	
<p>Produk ini berlandaskan kontrak Syariah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB). AITAB merujuk kepada pajakan (penyewaan) yang berakhir dengan penjualan aset.</p>																	
3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?																	
<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah pembiayaan : RM _____ (_____ % daripada harga jualan kenderaan) • Tempoh: [_____] bulan • Kadar keuntungan : _____ % setahun <p>Nota: Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Sewa Beli 1967, anda dikehendaki meletakkan deposit minimum sebanyak 10% daripada harga jualan kenderaan. Deposit minimum tersebut, merupakan deposit sekuriti, dan ia akan ditolak selesai daripada harga jualan kenderaan berkenaan apabila perjanjian Sewa Beli-i ditandatangani. Sekiranya anda mengambil keputusan untuk tidak meneruskan dengan perjanjian Sewa Beli-i, bayaran deposit minimum tersebut boleh digunakan untuk memenuhi kewajipan-kewajipan tertentu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan sebagai pampasan atas kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak Bank.</p>																	
4. Apakah tanggungjawab saya?																	
<ul style="list-style-type: none"> • Ansuran bulanan anda RM _____ • Jumlah amaun pembiayaan pada akhir [_____] bulan adalah RM _____ 																	
5. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?																	
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Jenis Caj</th> <th style="text-align: left;">Caj</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Duti setem Perjanjian Sewa Beli-i</td> <td>RM10</td> </tr> <tr> <td>Duti setem Perjanjian Jaminan Sewa Beli-i</td> <td>RM10 untuk setiap penjamin</td> </tr> <tr> <td>Pendaftaran Tuntutan Pemilikan</td> <td>RM3 *</td> </tr> <tr> <td>Pemindahan fi kenderaan (kereta terpakai)</td> <td></td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">- Kenderaan penumpang</td> <td>RM150/ RM40 (E.M.)</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">- Kenderaan komersial</td> <td>RM110/ RM40 (E.M.)</td> </tr> <tr> <td>Fi JPJ runner (kereta terpakai)</td> <td>Sehingga RM100</td> </tr> </tbody> </table>		Jenis Caj	Caj	Duti setem Perjanjian Sewa Beli-i	RM10	Duti setem Perjanjian Jaminan Sewa Beli-i	RM10 untuk setiap penjamin	Pendaftaran Tuntutan Pemilikan	RM3 *	Pemindahan fi kenderaan (kereta terpakai)		- Kenderaan penumpang	RM150/ RM40 (E.M.)	- Kenderaan komersial	RM110/ RM40 (E.M.)	Fi JPJ runner (kereta terpakai)	Sehingga RM100
Jenis Caj	Caj																
Duti setem Perjanjian Sewa Beli-i	RM10																
Duti setem Perjanjian Jaminan Sewa Beli-i	RM10 untuk setiap penjamin																
Pendaftaran Tuntutan Pemilikan	RM3 *																
Pemindahan fi kenderaan (kereta terpakai)																	
- Kenderaan penumpang	RM150/ RM40 (E.M.)																
- Kenderaan komersial	RM110/ RM40 (E.M.)																
Fi JPJ runner (kereta terpakai)	Sehingga RM100																
<p>* Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.</p>																	
<p>Nota: Untuk caj lain, anda boleh log masuk ke laman web HLISB www.hlisb.com.my</p>																	
6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?																	
<p>Jika anda gagal mematuhi tanggungjawab pembayaran mengikut jadual yang ditetapkan, tindakan berikut akan dikenakan:</p>																	
<p><u>Caj Pampasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> a) Bagi kegagalan pembayaran ketika dalam tempoh kemudahan = sehingga 1% setahun ke atas bayaran tertunggak; b) Bagi keingkaran pembayaran yang menyebabkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = sehingga 1% setahun ke atas baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak ditambah keuntungan terakru); c) Bagi keingkaran pembayaran selepas penamatan tempoh kemudahan = kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") ke atas jumlah baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak ditambah keuntungan terakru); dan d) Bagi keingkaran pembayaran selepas penghakiman = kadar IIMM ke atas jumlah penghakiman. <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Caj pampasan tidak boleh dikompaun dan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal tertunggak. ii. Kaedah dan kadar caj pampasan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia iii. Caj pampasan dikira atas dasar harian dari tarikh kena dibayar/ matang/ penghakiman. 																	

Penarikan Balik Kenderaan

- Kami akan menarik balik kenderaan jika tiada pembayaran ansuran sebanyak dua (2) bulan berturut-turut.
- Jika Penyewa meninggal dunia, kami berhak menarik balik kenderaan jika tiada pembayaran ansuran sebanyak empat (4) bulan berturut-turut.
- Semua perbelanjaan yang ditanggung semasa penarikan balik kenderaan akan dicaj ke akaun Pembiayaan Auto-i anda.

Hak Untuk Tolak Selesai

- Kami berhak menolak selesai baki yang belum dijelaskan untuk akaun pembiayaan ini dengan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun deposit anda yang dikendalikan oleh kami. Kami akan memberi notis tujuh (7) hari kepada anda sebelum melaksanakan hak ini.

Tindakan Undang-undang

- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal bertindak balas terhadap notis peringatan. Kenderaan anda mungkin akan ditarik balik dan anda perlu menanggung semua perbelanjaan. Anda bertanggung jawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan setelah kenderaan anda dijual.

Kemerosotan Penilaian Kredit

- Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda mungkin akan menjejaskan tahap penarafan kredit anda dan mengakibatkan permohonan anda yang berikutnya untuk mana-mana kemudahan pembiayaan menjadi lebih sukar atau kos pembiayaan akan meningkat

7. Bagaimana sekiranya pembiayaan dijelaskan sebelum tempoh matang?

Anda akan mendapat rebat atas keuntungan bagi tempoh ansuran yang belum luput. Rebate akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$R = TC \times \frac{n(n+1)}{N(N+1)}$$

di mana,

R	mewakili rebat keuntungan
TC	mewakili jumlah keuntungan yang dibayar sepanjang tempoh pembiayaan
n	mewakili tempoh ansuran belum luput dinyatakan dalam bulan
N	mewakili tempoh ansuran asal dinyatakan dalam bulan

8. Adakah saya perlu membeli perlindungan takaful?

- Ya, anda hendaklah memastikan bahawa kenderaan yang dibiayai dilindungi di bawah perlindungan takaful yang komprehensif sepanjang tempoh sewaan di bawah Pembiayaan Auto-i.
- Pada tahun pertama, kenderaan boleh dilindungi di bawah insurans komprehensif sekiranya:
 - Tiada perlindungan takaful yang ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan tersebut;
 - Permohonan takaful anda untuk kenderaan tersebut ditolak oleh semua pengendali takaful; atau
 - Premium insurans adalah sangat kompetitif berbanding sumbangan takaful untuk perlindungan yang sama.
- Dari tahun kedua dan seterusnya, anda digalakkan untuk melanggan perlindungan takaful yang komprehensif

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat perhubungan seperti nombor telefon, alamat surat-menyurat atau alamat e-mel untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemas kini butir-butir maklumat perhubungan anda, sila lawati mana-mana cawangan kami.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi di :

Pusat Pemungutan
Hong Leong Bank Berhad
Level 2, Tower A, PJ City Development,
15A, Jalan 219, Section 51A,
46100 Petaling Jaya
Tel : 03-79523388
E-mel : HPCrControlDept@hlbb.hongleong.com.my

Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semua pembiayaan secara percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di :

Tingkat 8, Maju Junction Mall,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur
Tel : 03-26167766
E-mel : enquiry@akpk.org.my

Sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di :

Pemulihan Servis & Aduan Resolusi- Pengalaman Pelanggan
Hong Leong Bank Berhad,
13A Floor, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel : 03-7626 8899
Faks : 03-7946 8888
E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

Sekiranya soalan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1 300 88 5465
Faks : +603 2174 1515
E-mel : bnmtelink@bnm.gov.my

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan untuk mengambil pembiayaan kenderaan, sila rujuk kepada risalah maklumat perbankan mengenai 'Sewa Beli' yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh log masuk ke www.bankinginfo.com.my.

12. Lain-lain pakej Pembiayaan Auto-i yang disediakan

Tiada.

NOTA PENTING : KENDERAAN AKAN DITARIK BALIK DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN ANSURAN MENGIKUT SYARAT-SYARAT YANG TERKANDUNG DALAM AKTA SEWA BELI 1967

Maklumat yang disediakan di dalam helaian makluman ini sah dari / /